

AERIUS[®] SYRUP

Desloratadine 0.5 mg/ml

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *AERIUS SYRUP*
2. Bagaimana *AERIUS SYRUP* berfungsi
3. Sebelum mengambil *AERIUS SYRUP*
4. Cara menggunakan *AERIUS SYRUP*
5. Semasa menggunakan *AERIUS SYRUP*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *AERIUS SYRUP*
8. Deskripsi Produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *AERIUS SYRUP*

AERIUS SYRUP melegakan simptom rinitis alergi (radang salur hidung yang disebabkan oleh alergi [alahan], misalnya, demam alergi atau alergi terhadap tungau habuk). Antara simptom ini ialah bersin, hidung berhingus atau terasa gatal, lelangit mulut terasa gatal, dan mata yang gatal, merah-merah atau berair.

AERIUS SYRUP juga digunakan untuk melegakan simptom urtikaria (masalah kulit yang disebabkan oleh alergi). Antara simptomnya ialah gatal-gatal dan gegata.

Simptom-simptom ini dapat dilegakan sepanjang hari dan membantu anda tidur dan meneruskan kegiatan seharian anda yang biasa.

Bagaimana *AERIUS SYRUP* berfungsi

AERIUS SYRUP ialah sejenis ubat antialergi yang tidak membuatkan anda mengantuk. Ubat ini dapat

mengawal tindak balas alergi dan simptomnya.

Sebelum mengambil *AERIUS SYRUP*

- Bila tidak boleh mengambil JANGAN minum *AERIUS SYRUP*

- jika anda alah (hipersensitif) terhadap *desloratadine*, *loratadine*, atau mana-mana bahan lain di dalam *AERIUS SYRUP*.

AERIUS SYRUP boleh digunakan oleh kanak-kanak yang berusia antara 1 hingga 11 tahun, remaja (12 tahun ke atas), dan orang dewasa, termasuklah warga emas.

- Sebelum mula mengambil

Bincanglah dengan doktor atau pakar farmasi sebelum menggunakan *AERIUS SYRUP* jika anda atau keluarga pernah mengalami sawan.

Kehamilan dan menyusukan anak dengan susu badan

Mintalah nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum memakan apa-apa ubat semasa anda hamil dan semasa anda sedang menyusukan anak dengan susu badan.

Jika anda hamil atau sedang menyusukan anak dengan susu badan, *AERIUS SYRUP* tidak disyorkan.

Maklumat penting tentang beberapa bahan kandungan di dalam *AERIUS SYRUP*

AERIUS SYRUP mengandungi sorbitol. Jika doktor memberitahu anda bahawa anda tidak dapat menahan sesetengah jenis gula,

hubungilah doktor sebelum anda mula menggunakan produk perubatan ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Tidak ada saling tindak balas yang diketahui berlaku antara *AERIUS SYRUP* dengan ubat-ubat lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang, baru-baru ini telah menggunakan ubat lain atau akan menggunakan ubat lain.

Meminum *AERIUS SYRUP* berserta makanan dan minuman

AERIUS SYRUP boleh diminum sebelum ataupun selepas makan.

Cara menggunakan *AERIUS SYRUP*

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak antara usia 1 hingga 5 tahun: minum 2.5 ml ($\frac{1}{2}$ sudu 5 ml) sekali sehari.

Kanak-kanak antara usia 6 hingga 11 tahun: minum 5 ml (satu sudu 5 ml) sekali sehari.

Orang dewasa dan remaja (12 tahun ke atas): minum 10 ml (dua sudu 5 ml) sekali sehari.

Jika picagari penyukat dibekalkan bersama dengan botol ini, anda boleh menggunakannya untuk menyukat isi padu yang betul.

Telan ini, kemudian minum sedikit air.

- Bila perlu digunakan

Anda boleh meminum ubat ini sebelum ataupun selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Doktor akan menentukan jenis rinitis alergi yang anda hidapi dan kemudiannya menentukan tempoh anda harus menggunakan *AERIUS SYRUP*.

AERIUS[®] SYRUP

Desloratadine 0.5 mg/ml

Jika rinitis alergi anda itu jenis bermusim (mengalami simptom kurang daripada

4 hari seminggu ataupun kurang daripada 4 minggu keseluruhannya), doktor akan mengesyorkan jadual rawatan yang bergantung pada penilaian sejarah penyakit anda.

Jika rinitis alergi anda itu jenis berlarutan (mengalami simptom melebihi 4 hari seminggu dan melebihi 4 minggu keseluruhannya), doktor mungkin mengesyorkan tempoh rawatan yang lebih panjang.

Bagi urtikaria, tempoh rawatan mungkin berbeza bagi setiap pesakit dan oleh itu, anda harus ikuti arahan doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa meminum ubat pada waktu yang sepatutnya, minumlah secepat mungkin, kemudian teruskan dengan jadual waktu dos anda yang biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa digunakan itu.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minum *AERIUS SYRUP* tepat-tepat seperti yang diarahkan. Masalah serius tidak dijangka akan berlaku jika dos yang terlebih telah digunakan. Walau bagaimanapun, jika anda terminum lebih banyak *AERIUS SYRUP* daripada yang diarahkan, hubungilah doktor atau ahli farmasi.

Semasa menggunakan *AERIUS SYRUP*

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi *AERIUS SYRUP* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan jentera
Pada dos yang disyorkan, *AERIUS SYRUP* tidak dijangka akan membuatkan anda mengantuk atau kurang berwaspada. Walau bagaimanapun, sesetengah orang berasa mengantuk dan ini boleh menjejaskan kemampuan mereka memandu atau mengendalikan jentera. Namun begitu, ini jarang-jarang sekali berlaku.

Kesan-kesan sampingan

Sama seperti semua ubat, *AERIUS SYRUP* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidaklah semua orang akan mengalaminya. Bagi kebanyakan kanak-kanak dan orang dewasa, kesan sampingan *AERIUS SYRUP* lebih kurang sama dengan kesan sampingan larutan atau tablet kosong. Walau bagaimanapun, kesan sampingan yang lazim berlaku dalam kalangan kanak-kanak yang belum mencapai usia 2 tahun ialah cirit-birit, demam dan insomnia. Bagi orang

dewasa, rasa lesu, mulut kering dan sakit kepala lebih kerap dilaporkan berlaku berbanding dengan tablet kosong.

Semasa memasarkan *AERIUS*, kes berlakunya tindak balas *AERIUS* alergi yang teruk (sesak nafas, nafas berdehit, gatal-gatal, gegata dan bengkak) dan ruam pernah tetapi sangat jarang-jarang dilaporkan. Palpitasi (debaran jantung yang cepat dan tidak teratur), degupan jantung yang kencang, sawan, keresahan berserta pergerakan badan yang bertambah banyak, mengantuk, radang hati dan hasil ujian fungsi hati yang abnormal juga pernah tetapi sangat jarang-jarang dilaporkan.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI)

Cara penyimpanan dan pelupusan *AERIUS SYRUP*

- Penyimpanan

- Simpanlah pada suhu yang kurang daripada 30°C.
- Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.
- Jangan sejuk bekukan. Simpan di dalam bungkusannya yang asal.
- Jangan minum *AERIUS SYRUP* selepas tarikh tamat tempoh yang tertera pada botolnya.

AERIUS[®] SYRUP

Desloratadine 0.5 mg/ml

- Tarikh tamat tempoh ini merujuk pada hari terakhir pada bulan yang dinyatakan itu.
- Beritahu ahli farmasi jika anda mendapati perubahan pada rupa ini.

47301 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
30/08/2017 (versi 042017)

Nombor Siri
NPRA (R1/2) 14122017/113

- Pelupusan

Jangan buang ubat ini bersama-sama air sisa atau sampah dari rumah. Tanyalah ahli farmasi tentang cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu memelihara alam sekitar.

Deskripsi Produk

- Rupa dan warna produk

AERIUS SYRUP ialah cecair jernih yang berwarna oren. *AERIUS SYRUP* disediakan di dalam botol kaca 50, 60, 100, 120 dan 150.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Bahan aktif ialah *desloratadine* 0.5 mg/ml.

- Bahan tidak aktif:

Propylene glycol, liquid sorbitol, anhydrous citric acid, sodium citrate dihydrate, sodium benzoate, disodium edetate, sucrose, Pewarna Kuning FD&C No. 6, perasa semula jadi dan tiruan, dan *purified water*.

- Nombor MAL

MAL05012317AZ

Pengilang

Schering-Plough Labo N.V.,
Heist-op-den-Berg, Belgium.

Pemegang Pendaftaran

Produk

Merck Sharp & Dohme
(Malaysia) Sdn.Bhd.

Lot No. B-22-1 & B-22-2,
Level 22
The Ascent, Paradigm No.1
Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya